

JAN-APR
2019



OUTREACH

LOCAL ORGANISATION WITH GLOBAL OUTREACH



Majlis Penyampaian
ANUGERAH BIASISWA YAYASAN SARAWAK TUN TAIB



"Terima kasih Kerajaan Negeri Sarawak"
- Penerima Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib

"Catalyst In Education Development Towards Quality Human Capital"



Yayasan Sarawak

Visi

Untuk menjadi Yayasan bertaraf dunia dalam membangun modal insan yang berkualiti di Sarawak.

Misi

Beriltizam untuk memacu pembangunan modal insan yang berkualiti untuk Sarawak melalui bantuan dan sokongan yang berkesan.

Nilai-Nilai Teras

Berintergriti
Berhemah dan Prihatin
Profesionalisma
Sikap Bersegera dan Kepunyaan
Semangat Berpasukan
Berorientasikan Pencapaian

KANDUNGAN

- 2 | Dari Meja Pengarah
- 3 | Dari Meja Ketua Editor

Berita Utama

- 4 | Majlis Penyampaian Anugerah Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib

Info Korporat

- 5 | Simbolik Penyerahan Inisiatif Graduan Pulang Sarawak (i-GPS)
- 6 | Lawatan Yayasan Kelantan Darul Naim, Eratkan Yayasan Antara Negeri
- 7 | Kunjungan Hormat Pengarah Pendidikan Sarawak
- 8 | Lawatan Kerja Datuk Bandar DBKU Ke Yayasan Sarawak
- 9 | Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Yayasan Sarawak Ke PESAYA Ke-13 Langkawi, Kedah
- 10 | Bengkel Pendidikan Dengan Kerjasama Yayasan Sarawak
- 11 | Program Suai Kenal Anak Sarawak Bersama Yayasan Sarawak
- 12 | Yayasan Sarawak Anjur Speakers' Corner Sempena OKShe Agenda 2019
- 13 | Perkampungan Pelajar Anak Sarawak Sabah Tingkat Integrasi Kedua Negeri
- 14 | Yayasan Sarawak Hargai Sumbangan Wargakerja Melalui Pelbagai Anugerah
- 15 | Yayasan Sarawak Terima Penarafan 5 Bintang Laman Web Agensi
- 16 | Sambutan Hari Wanita Yayasan Sarawak 2019
- 17 | JK Surau Yayasan Sarawak Anjur Program Ceramah Israk Mikraj
- 18 | Yayasan Sarawak Anjur Kursus Dalaman Pengurusan Kewangan Kerajaan
- 19 | *Business Excellence Best Practice Study Visit*: Wargakerja Timba Ilmu Budaya Kerja Cemerlang

Info Pendidikan

- 20~21 | Data Penajaan Pelajar Biasiswa / Pembiayaan Pendidikan Yayasan Sarawak (Januari - April 2019)
- 22~23 | Program Jerayawara Pendidikan Yayasan Sarawak 2019
- 24 | Program Pertukaran Pelajar Yayasan Sarawak Dan Kumpulan Yayasan Sabah Kekal Berterusan Untuk Integrasi Nasional
- 25 | Graduan Curtin University Terima Anugerah Graduan Cemerlang Yayasan Sarawak
- 26 | Perkampungan Pelajar Yayasan Sarawak Zon Semenanjung Mampu Beri Pengisian dan Aktiviti Berfaedah
- 27 | Program Ceramah Bantuan Pendidikan, Inisiatif Outreach Yayasan Sarawak
- 28 | Yayasan Sarawak Pantau Sekolah HiPERS & Program Books For Asia
- 29 | Yayasan Sarawak Perkasa Bantuan Dalam Bidang Kemahiran

Taska Tadika Yayasanku Sayang

- 30 | Minggu Orientasi Permulaan Sekolah
- 31 | Sambutan Tahun Baru Cina, Terapkan Nilai-Nilai Kebudayaan

Info Sukan & Kebajikan

- 32 | Pencapaian Terbaik Kontinjen Yayasan Sarawak Ke PESAYA XIII Langkawi, Kedah
- 33 | Aktiviti-Aktiviti Kelab Yayasan Sarawak
- 34~35 | Galeri Foto
- 36 | Premis Yayasan Sarawak

Dari Meja PENGARAH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kerana buletin OUTREACH edisi Januari – April 2019 telah berjaya diterbitkan.

Bermula tahun 2019, Yayasan Sarawak dengan kerjasama Sarawak Volunteers telah diamanah untuk melaksanakan satu lagi inisiatif Kerajaan Negeri, iaitu “i-GPS” atau dikenali sebagai inisiatif Graduan Pulang Sarawak kepada pelajar-pelajar Sarawak di Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung, Labuan dan Sabah. Inisiatif tersebut memberi peluang kepada pelajar untuk bersama keluarga mereka semasa menyambut perayaan seperti sambutan Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Hari Raya Aidilfitri dan juga perayaan Krismas dan sedikit sebanyak dapat meringankan beban kewangan keluarga pelajar.

Jerayawara Pendidikan telah diadakan di beberapa buah daerah seluruh Sarawak yang bertujuan untuk memberi maklumat terkini dan penerangan tentang skim-skim bantuan pendidikan kepada pelajar-pelajar sekolah serta ibubapa dan komuniti setempat, terutama di kawasan luar bandar. Harapan kami, semoga melalui siri jelajah ini, lebih ramai lagi pelajar Sarawak yang akan mendapat bantuan.

Akhir kata, Yayasan Sarawak akan meneruskan usaha untuk membantu anak-anak Sarawak dalam bidang Pendidikan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka serta keluarga pada masa hadapan.

Sekian.

Haji Azmi bin Haji Bujang
Pengarah Yayasan Sarawak

SIDANG EDITORIAL

Penasihat

Haji Azmi bin Haji Bujang
Haji Mersal bin Abang Rosli
Ellen @ Manium anak Engang

Ketua Editor

Suryani binti Abdul Hamid

Editor

Abdullah bin Abdul Gafor
Siti Asfajarina binti Haji Salleh

Penulisan

Siti Asfajarina binti Salleh
Mahathir bin Mohammad
Siti Noorlis binti Hassan
Ahmad Jumadi bin Sabang
Mustafa Arif bin Kiphli
Sub'ha binti Jalia
Jeffery Undi anak Anthony
Franklyn Messat anak Kujang
Sharifah Nur Syahmina binti Wan Saiful Bahri
(Praktikal)

Grafik/Bahan

Ahmad Jumadi bin Sabang

Fotografi

Ahmad Jumadi bin Sabang
Andy Gray anak Simon
Saiful Ashraf bin Sa'adi (Praktikal)
Muhd Zharfan Azri bin Zainal Abidin (Praktikal)

Terbitan

Seksyen Komunikasi Korporat
Yayasan Sarawak, Wisma Adenan,
Jalan Sultan Tengah,
93050 Kuching, Sarawak.
Tel: +60 82 440 571
Faks: +60 82 440 023
WhatsApp: +6017 700 1971 (ysCARE)
Laman Web: www.yayasansarawak.org.my
E-mel: ys@yayasansarawak.org.my

SEKALUNG BUDI

Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberi sumbangan dalam bentuk artikel, foto dan idea serta ke atas mana-mana artikel yang dipetik daripada laman media sosial dan akhbar online.

Sebarang cadangan untuk penambahbaikan serta sumbangan artikel boleh di emel ke ysscorm@yayasansarawak.org.my.

Dari Meja KETUA EDITOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur alhamdulillah kerana buletin OUTREACH edisi Januari - April 2019 telah diterbitkan yang juga merupakan edisi pertama bagi tahun 2019.

Edisi kali ini kita memaparkan aktiviti mendekati rakyat dan juga pelajar-pelajar sekolah bagi memberi penerangan dan menjelaskan maklumat terkini tentang skim-skim bantuan pendidikan, dikenali sebagai Jerayawara Pendidikan Yayasan Sarawak. Program ini telah diadakan di beberapa daerah luar bandar dengan kerjasama Pejabat Residen, Pejabat Daerah dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Dalam buletin Outreach kali ini juga kita berkongsi dengan anda semua penglibatan Yayasan Sarawak di luar dan aktiviti-aktiviti dalam Yayasan Sarawak yang dianjurkan bagi memantapkan lagi keberkesanan sistem penyampaian dan polisi yang dipatuhi dalam membina keutuhan sistem penyampaian perkhidmatan kami.

Semoga informasi di dalam buletin ini dapat dikongsi bersama bagi mengetahui peranan serta fungsi Yayasan Sarawak dalam bidang pendidikan.

Selaku Ketua Editor, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang memberi sumbangan idea untuk edisi kali ini. Terima kasih juga kepada pihak Pengurusan Yayasan Sarawak di atas sokongan dan bimbingan kepada kami.

Jumpa lagi di edisi yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Suryani Binti Haji Abdul Hamid
Ketua Editor

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH BIASISWA YAYASAN SARAWAK TUN TAIB

OLEH: Ahmad Jumadi Bin Sabang

KUCHING, 25 Januari 2019 - Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri (Dr) Haji Abdul Taib bin Mahmud bersama Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak merangkap Pengerusi Yayasan Sarawak telah hadir bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Basiswa Yayasan Sarawak Tun Taib bagi tahun 2019 di Dewan Besar Astana Negeri Sarawak.

Ketua Menteri Sarawak turut memaklumkan bahawa Kerajaan Sarawak telah memperuntukkan dana sebanyak 4.4 juta bagi biasiswa berkenaan untuk 87 orang pelajar bagi senarai penerima biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib.

Majlis tersebut telah menyaksikan seramai 87 pelajar yang terdiri daripada Ijazah Kedoktoran (12), Ijazah Sarjana (8), dan Ijazah Sarjana Muda (67) menerima biasiswa tersebut.

Turut hadir YB Datuk Michael Manyin anak Jawong, Menteri Pendidikan Sarawak, YB Datuk Dr. Sim Kui Hian, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak dan YBrs Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak.



TYT Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud menyerahkan sijil anugerah kepada salah seorang pelajar.



Seorang pelajar melahirkan rasa bersyukur di atas pengurniaan anugerah biasiswa daripada Yayasan Sarawak.



Ibu bapa pelajar melahirkan rasa gembira dan bersyukur di atas penganugerahan biasiswa serta pencapaian yang diperolehi anak mereka.



SIMBOLIK PENYERAHAN INISIATIF GRADUAN PULANG SARAWAK (i-GPS)

OLEH: Mahathir bin Mohamad

WISMA ADENAN, 13 Mac 2019 - Seramai 576 pelajar Sarawak yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung, Sabah dan Labuan merupakan kumpulan pertama pemohon subsidi Inisiatif Graduan Pulang Sarawak (i-GPS) yang telah diluluskan.

Pembayaran i-GPS bagi kumpulan pertama ini berjumlah RM172,800 yang mana setiap seorang daripada mereka menerima subsidi RM300.00 seorang melalui pemindahan wang secara elektronik (Electronic Funds Transfer) ke akaun penerima secara berperingkat.

Pada Majlis Simbolik Penyerahan Inisiatif Graduan Pulang Sarawak (i-GPS) tersebut, 10 orang pelajar telah dijemput untuk menerima subsidi i-GPS yang disempurnakan oleh YB Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman, ADUN N.6 Tupong merangkap Penasihat Sarawak Volunteers bertempat di Pejabat Yayasan Sarawak, Wisma Adenan.

Semenjak diumumkan pada 30 Januari 2019 yang lepas, inisiatif ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana setakat 11 Mac 2019, sebanyak 3,471 permohonan sudah diterima dan 2,775 daripada jumlah tersebut masih di dalam proses semakan.

Inisiatif ini pernah dijanjikan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak semasa Program Lan Berambah Anak Sarawak di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur pada tahun lepas setelah mendengar keluhan anak-anak Sarawak yang mengharapkan Kerajaan Negeri dapat meringankan beban kewangan untuk bersama keluarga semasa musim perayaan.

Pengarah Yayasan Sarawak berkata inisiatif ini menunjukkan bahawa YAB Ketua Menteri Sarawak sentiasa prihatin tentang pendidikan serta kebajikan anak-anak Sarawak.

"Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat serta berusaha untuk membantu dan menggalakkan anak-anak Sarawak untuk melanjutkan pengajian tinggi mereka bagi memastikan mereka dapat menyumbang kepada pembangunan Negeri Sarawak," katanya.



Salah seorang ibu yang mewakili pelajar menerima subsidi daripada YB Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman selaku Penasihat Sarawak Volunteers.



YB Fazzrudin selaku Penasihat Sarawak Volunteers menyerahkan insentif tiket penerbangan balik kepada ibu salah seorang mahasiswa.



Para ibu bapa mewakili anak masing-masing merakam kenangan bersama YB Fazzrudin dan pegawai Yayasan Sarawak serta pihak Sarawak Volunteers.

LAWATAN YAYASAN

KELANTAN DARUL NAIM, ERATKAN YAYASAN ANTARA NEGERI

OLEH: Siti Asfajarina binti Salleh

WISMA ADENAN, 18 Januari 2019 - Yayasan Sarawak berbesar hati menerima kunjungan rombongan seramai 10 orang pegawai daripada Yayasan Kelantan Darul Naim yang diketuai oleh YBrs Tuan Haji Azi Rahimee bin Haji Mohamed, Pengarah Yayasan Kelantan Darul Naim.

Tujuan lawatan ini adalah bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama serta dapat berkongsi maklumat berkaitan dengan pengurusan serta program dan bantuan pendidikan.

Turut hadir pada sesi tersebut ialah Timbalan Naib Canselor, Swinburne University of Technology serta wakil daripada Centre of Technical Excellence (CENTEXS).

Pengarah Yayasan Sarawak turut berkesempatan diberi ruang taklimat serba ringkas mengenai Yayasan Sarawak kepada YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi Yayasan Kelantan Darul Naim semasa sesi mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Kelantan Darul Naim di sebuah hotel di Kuching.



Penyampaian cenderahati kepada YAB Menteri Besar merangkap Pengerusi Yayasan Kelantan selepas sesi taklimat daripada Pengarah Yayasan Sarawak.



YBrs Haji Azi Rahimee bin Haji Mohamed, Pengarah Yayasan Kelantan Darul Naim menandatangani buku pelawat khas.



Pengarah Yayasan Sarawak menyambut ketibaan YAB Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi Yayasan Kelantan Darul Naim di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.



Merakam kenangan pegawai Yayasan Sarawak bersama Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN).



Pengarah Yayasan Sarawak memberi penerangan berkaitan dengan sistem EAMS bagi proses pengurusan pembiayaan pelajar.

KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PENDIDIKAN SARAWAK

OLEH: Siti Asfajarina binti Salleh

WISMA ADENAN, 4 Februari 2019 - Yayasan Sarawak amat berbesar hati menerima kunjungan hormat YBrs. Dr. Haji Azhar bin Haji Ahmad, Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak yang baharu. Kehadiran beliau turut diiringi oleh delegasi pegawai kanan di Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Pada pertemuan tersebut, Pengarah Yayasan Sarawak telah memberikan penerangan ringkas mengenai peranan dan tanggungjawab Yayasan Sarawak bagi membantu dalam pembangunan pendidikan di Negeri Sarawak. Selain itu turut diserahkan dokumen berkaitan dengan polisi dan fungsi Yayasan Sarawak kepada Pengarah Pendidikan Sarawak selaku Ahli Lembaga Amanah Yayasan Sarawak yang baharu.

Yayasan Sarawak berharap melalui kunjungan ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama di antara Yayasan Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak terutama sekali dalam bidang pendidikan pada masa hadapan.



Menyambut ketibaan YBrs Dr. Haji Azhar bin Haji Ahmad, Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak.



Sesi kunjungan Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak diadakan di Pejabat Pengarah Yayasan Sarawak.



Merakam kenangan pengurusan Yayasan Sarawak bersama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.



Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak bersama delegasi pengurusan di jabatan beliau.

LAWATAN KERJA

DATUK BANDAR DBKU KE YAYASAN SARAWAK

OLEH: Siti Asfajarina binti Salleh

WISMA ADENAN, 18 Januari 2019 - Yayasan Sarawak berbesar hati menerima kunjungan rombongan seramai 10 orang pegawai daripada Yayasan Kelantan Darul Naim yang diketuai oleh YBrs Tuan Haji Azi Rahimee bin Haji Mohamed, Pengarah Yayasan Kelantan Darul Naim.

Tujuan lawatan ini adalah bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama serta dapat berkongsi maklumat berkaitan dengan pengurusan serta program dan bantuan pendidikan.

Turut hadir pada sesi tersebut ialah Timbalan Naib Canselor, Swinburne University of Technology serta wakil daripada Centre of Technical Excellence (CENTEXS).

Pengarah Yayasan Sarawak turut berkesempatan diberi ruang taklimat serba ringkas mengenai Yayasan Sarawak kepada YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi Yayasan Kelantan Darul Naim semasa sesi mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Kelantan Darul Naim di sebuah hotel di Kuching.



Mesyuarat bersama delegasi DBKU yang diketuai oleh YBhg Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, Datuk Bandar DBKU.



Merakam kenangan Pegawai Kanan Yayasan Sarawak dan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).



Sesi perbincangan bersama Pengarah Yayasan Sarawak dan Datuk Bandar DBKU.



Penyampaian cenderahati daripada Datuk Bandar DBKU kepada Pengarah Yayasan Sarawak

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN YAYASAN SARAWAK KE PESAYA KE-13 LANGKAWI, KEDAH

OLEH: Siti Asfajarina binti Salleh

WISMA ADENAN, 13 Februari 2019 - Kontinjen Yayasan Sarawak akan turut serta dalam Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri Se-Malaysia (PESAYA) ke-13 yang akan diadakan pada 15 hingga 22 Februari 2019 di Langkawi, Kedah.


Pada pesta kali ini, Yayasan Sarawak akan menghantar seramai 82 orang atlet yang terdiri daripada kalangan warga kerja Yayasan Sarawak dan anak syarikat yang dibenarkan sahaja. Sebanyak 14 acara akan dipertandingkan di dalam sukan bola sepak, badminton, bola tampar pantai, futsal, petanque, boling, karom, dart dan golf serta sukan rakyat.

Tujuan temasya sukan diadakan adalah bagi menjalinkan semangat integrasi nasional serta bertukar pandangan dan idea di kalangan para warga kerja dan yayasan-yayasan negeri.


Majlis Penyerahan Bendera telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Haji Mohammad Abu Bakar bin Marzuki, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Timbalan Pengerusi Yayasan Sarawak kepada Ketua Kontinjen iaitu Encik Zamahari bin Haji Saidi.



Sebahagian atlet Yayasan Sarawak yang hadir ke Majlis Penyerahan Bendera.



YBhg Tuan Haji Mohammad Abu Bakar bin Marzuki menyerahkan bendera negeri kepada Chef de-Mission, Encik Zamahari bin Haji Saidi.



Para atlet Yayasan Sarawak memperagakan pakaian rasmi Kontinjen Yayasan Sarawak ke PESAYA XIII Kedah 2019.

BENGKEL PENDIDIKAN DENGAN KERJASAMA YAYASAN SARAWAK

OLEH: Mustafa Arif bin Kipli

KUCHING, 20 Mac 2019 - Yayasan Sarawak bersama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Kementerian Pendidikan, Sains dan Teknologi, Bahagian Teknologi Pendidikan, Swinburne University of Technology Sarawak, Universiti Malaysia Sarawak serta Institut Perguruan Batu Lintang dan Tun Abdul Razak terlibat dalam Bengkel Pendidikan Program Kerjasama Yayasan Sarawak bertempat di M-Hotel.

Bengkel pendidikan ini merupakan salah satu perancangan strategik Yayasan Sarawak untuk program kerjasama yang telah dan akan dilaksanakan pada tahun ini.

Hasil daripada bengkel ini, ianya akan memberi penambahbaikan kepada program-program pendidikan yang dapat memberi impak kepada penerima manfaat oleh agensi-agensinya yang terlibat.



Percambahan fikiran di kalangan peserta hasilkan idea untuk capai tujuan penganjuran bengkel.



Para peserta sedang mengadakan perbincangan bersama kumpulan masing-masing.



Peserta daripada jabatan dan agensi yang berkaitan dengan pembangunan pendidikan di Negeri Sarawak.

PROGRAM SUAI KENAL ANAK SARAWAK BERSAMA YAYASAN SARAWAK

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

KUALA LUMPUR, 23 Mac 2019 - Persatuan Mahasiswa Sarawak Universiti Malaya (PMSUM) mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yayasan Sarawak di atas kesudian mengadakan sebuah Program Sui Kenal Anak Sarawak Bersama Yayasan Sarawak. Dijemput bersama untuk hadir memeriahkan program tersebut adalah mahasiswa/i Sarawak daripada UKM, UiTM, UMP, UTeM dan juga UTHM.

YBrs Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak berkesempatan untuk memberi penerangan dengan mahasiswa/i berkaitan dengan program serta bantuan-bantuan pendidikan yang terdapat di Yayasan Sarawak.

Selain itu, program tersebut juga dapat memberi banyak manfaat kepada mahasiswa/i Sarawak dalam mengenal pasti masalah serta kebajikan mereka selain dapat memberi idea penambahbaikan mutu perkhidmatan Yayasan Sarawak khususnya kepada para pelajar.

Turut hadir bersama Prof. Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi selaku penasihat Mahasiswa Sarawak juga selaku wakil daripada pihak Universiti Malaya.

Para mahasiswa/i juga berharap agar program ini diteruskan pada masa hadapan di atas keperihatian dan perhatian Yayasan Sarawak dalam membantu melestarikan impian para mahasiswa/i serta mengeratkan lagi hubungan antara Yayasan Sarawak bersama mahasiswa/i Sarawak di Semenanjung Malaysia.



Sebahagian daripada mahasiswa/i Sarawak yang hadir ke sesi tersebut.



Penyampaian cederamata wakil pelajar kepada Pengarah Yayasan Sarawak. Turut bersama Prof. Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi selaku penasihat program.



Sesi soal jawab mahasiswa/i bersama Pengarah Yayasan Sarawak.



YBrs Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak memberi taklimat bantuan dan program pendidikan yang terdapat di Yayasan Sarawak.



YBrs Pengarah merakam kenangan bersama mahasiswa/i Sarawak yang berada di insititusi pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia.

YAYASAN SARAWAK

ANJUR SPEAKERS' CORNER SEMPENA OKSHe AGENDA 2019

OLEH: Jeffery Anthony

KUCHING, 25-31 Mac 2019 - Agenda Warisan Pintar Old Kuching (OKSHe) 2019 anjuran DBKU yang berlangsung pada 25 hingga 31 Mac 2019 bertempat di Tebingan Kuching telah menyediakan pelbagai aktiviti dan hiburan kepada pengunjungnya. Antara program yang turut disediakan kepada pengunjung adalah sudut perkongsian maklumat melalui Speakers' Corner kelolaan Yayasan Sarawak.

Speaker's Corner yang telah dirasmikan oleh Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak memberi penekanan serta peluang kepada agensi kerajaan, institusi, syarikat serta NGO untuk berkongsi maklumat dalam pelbagai aspek yang memfokuskan bidang pendidikan, kemahiran, teknologi, kebudayaan, etnik dan lain-lain lagi.

Turut berkongsi maklumat berkaitan dengan Skim Basiswa dan Pinjaman Pendidikan yang ditawarkan Yayasan Sarawak adalah Ketua Penolong Pengarah Bahagian Basiswa Yayasan Sarawak, Encik Zamahari bin Saidi dan lain-lain pegawai.

Turut dijadualkan bersama-sama ke sesi perkongsian maklumat kali ini iaitu daripada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia, Pertubuhan Belia Kebangsaan Sarawak (Saberkas), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Majlis Seni Sarawak, Yayasan Budaya Melayu, Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak (MiED), Mahkamah Syariah, Jabatan Agama Islam, Persatuan Diabetes Malaysia Cawangan Sarawak dan Normah Medical Centre.



Para pelajar CENTEXS turut hadir bagi mendengar taklimat bertajuk Media Sosial: Ketahui Hak Anda oleh Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Sarawak.



YBrs Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak menyampaikan ucapan ringkas sekaligus merasmikan Yayasan Sarawak Speakers' Corner.



Encik Zamahari bin Haji Saidi, KPP Bahagian Basiswa memberi taklimat berkaitan dengan Bantuan dan Program Pendidikan Yayasan Sarawak.



Sesi soal jawab peserta dengan penceramah berkaitan dengan tawaran kursus dan kemudahan yang terdapat di CENTEXS.



Rahsia Tarian Tradisional Sarawak menarik minat pengunjung asing semasa sesi bersama Pengarah Majlis Seni Sarawak.



Sayangi Jantung Anda bersama Dr. Abang Azizan Ariffin daripada Pusat Pakar Perubatan Normah diadakan di pentas utama Agenda Warisan Pintar.

PERKAMPUNGAN PELAJAR

ANAK SABAH SARAWAK TINGKAT INTEGRASI KEDUA NEGERI

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

KOTA KINABALU, 29 Mac 2019 – Majlis Malam Penutupan Program Perkampungan Pelajar Kumpulan Yayasan Sabah dan Yayasan Sarawak telah diadakan bersempena dengan musim cuti sekolah bermula dari 23 hingga 30 Mac 2019.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor UCSF, Dr. Mohamad Haleem bin Mohamad Razi mewakili Pengarah Yayasan Sabah, YBhg Datuk Haji Jamalul Kiram bin Datuk Haji Mohd. Zakaria. Turut hadir adalah YBrs Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak dan pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua yayasan.

Program tersebut yang dijalankan selama 8 hari kali ini melibatkan seramai 48 orang pelajar tajaan Yayasan Sarawak dan 53 orang pelajar tajaan Kumpulan Yayasan Sabah. Antara aktiviti yang diadakan adalah Team Building, latihan dalam kumpulan, lawatan sambil belajar ke Kundasang, Muzium Pahlawan dan Ladang Strawberi.

Salah seorang peserta, Elmmernod Ouasin, 17, anak kelahiran Kuching, Sarawak yang bersekolah di SM Sains, Sabah sejak beliau di tingkatan satu lagi berpendapat kolaborasi antara Kumpulan Yayasan Sabah dan Yayasan Sarawak adalah satu usaha yang sangat baik. "Pada pandangan saya, perkongsian idea dan maklumat serta cara dua yayasan ini bekerjasama menjadikan program ini satu kejayaan yang bermakna dan perlu diambil sebagai sesuatu yang sangat positif," tambah beliau.

Pada malam majlis penutupan, para tetamu telah diberi persembahan oleh para peserta dan 'Peserta Terbaik' program perkampungan telah menerima hadiah berupa beg sekolah. Pelbagai hadiah telah diberikan kepada lain-lain peserta untuk acara lain.



Pengarah Yayasan Sarawak menyampaikan beg sekolah kepada 'Peserta Terbaik' program perkampungan.



Nyanyian lagu motivasi dan persembahan peserta merupakan salah satu daripada acara pada majlis penutupan.



Merakam kenangan bersama-sama dengan pelajar Program Pertukaran Yayasan Sarawak dan Kumpulan Yayasan Sabah.

YAYASAN SARAWAK

HARGAI SUMBANGAN WARGAKERJA MELALUI PELBAGAI ANUGERAH

OLEH: Jeffery Anthony

KUCHING, 7 Mac – Ybrs. Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak telah merasmikan Majlis Makan Malam Penghargaan Warga Yayasan Sarawak 2.0/2018 bertempat di Hilton Hotel, Kuching. Majlis gemilang ini dihadiri oleh seramai 130 orang kakitangan terdiri daripada kakitangan Yayasan Sarawak bertaraf tetap dan kontrak.

“Sepanjang tahun 2018, ini merupakan penganjuran majlis makan malam kita buat siri yang kedua untuk menghargai usaha gigih kakitangan dalam melaksanakan kerja harian yang efisien dan produktif”, ujar Azmi dalam ucapan perasmian. Tambahnya, begitu banyak pengalaman yang telah dilalui bersama dari zaman muda sehinggalah sekarang dalam perkhidmatan menabur bakti kepada anak bangsa khususnya dalam aspek bantuan pendidikan.

“Sudah pasti ini menjadi titik tolak kepada kita semua untuk lebih bersikap matang dalam setiap perkara yang dilakukan tidak hanya melibatkan urusan kerja malah perihal peribadi juga bagi mempersiapkan diri di masa persaraan”, jelasnya.

Terdahulu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Korporat, Operasi dan Pentadbiran merangkap Ketua Ahli Jawatankuasa Pengelola Majlis, Puan Suryani Abdul Hamid dalam ucapan alu-aluannya berkata penganjuran kali ini menyaksikan sebanyak 7 kategori anugerah akan disampaikan kepada kakitangan yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang. Ini menunjukkan bahawa pihak



Merakam kenangan bersama 10 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pengarah Yayasan Sarawak dan lain-lain penerima anugerah.



Puan Josephine Lim merupakan salah seorang penerima bagi Anugerah Perkhidmatan Setia bagi tahun 2018.



Encik Mohammad Faisal Jaffar terima anugerah Employee Of The Year bagi tahun 2018.



Seksyen Fasiliti dan Pengangkutan telah dinobatkan Anugerah Penganjuran Perhimpunan Bulanan Terbaik bagi tahun 2018.

pengurusan Yayasan Sarawak sentiasa mengambil berat dan prihatin kepada kakitangannya.

Untuk anugerah utama iaitu Anugerah Pekerja Tahunan diberikan kepada Encik Mohammad Faisal bin Jaffar, Penolong Pengarah Seksyen Pengurusan Sistem dan Teknologi Maklumat. Bagi Anugerah Pekerja Cemerlang pula telah diberikan kepada Puan Dayang Fazila bin Abang Fauzi, Puan Marini binti Bujang, Puan Marina binti Abang, Puan Nola ak Jimat, Cik Siti Noorlis binti Hassan, Encik Jumadi bin Sabang, Encik Abdul Razak bin Zainoren, Encik Abdul Ghafar bin Sahmat, Encik Mustafa Arif bin Kiphli dan Encik Mohammad Faisal bin Jaffar.

Manakala, untuk Anugerah Pekerja Bulanan dianugerahkan kepada Lans Korperal Firdaus bin Morshidi, dan untuk Anugerah Perkhidmatan Setia pula diberikan kepada Puan Josephine Lim Chiew Ling dan Encik Nizam bin Siboo. Terdapat dua anugerah sampingan yang turut dipertandingkan iaitu “Morning Prayer News” terbaik yang telah dimenangi oleh Seksyen Biasiswa dan Seksyen Program dan Bantuan. Manakala untuk penganjuran Perhimpunan Terbaik pula telah dimenangi oleh Seksyen Fasiliti dan Pengangkutan.

“Kesemua pemenang kategori anugerah merupakan individu atau kumpulan yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan menepati kriteria penilaian yang telah ditetapkan”, ujar Suryani lagi. Wargakerja berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan lagi oleh pihak pengurusan Yayasan Sarawak di masa hadapan untuk memberikan motivasi terhadap prestasi kerja kakitangan yang lebih cemerlang.

YAYASAN SARAWAK

TERIMA PENARAFAN 5 BINTANG LAMAN WEB AGENSI

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

KUCHING, 29 Mac 2019 - Pada tahun ini, Laman Web Yayasan Sarawak telah diberi penarafan 5 Bintang untuk Laman Web Agensi Kerajaan bagi tahun 2018. Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Anthony Valentine Laiseh, Pengarah UPPN yang mewakili YB Setiausaha Kerajaan Negeri pada 29 Mac 2019 di sebuah hotel terkemuka di bandaraya Kuching.

Majlis yang dianjurkan oleh Unit Pemodenan Perkhidmatan Negeri (UPPN) di Jabatan Ketua Menteri ini merupakan inisiatif kerajaan negeri bagi memberi penghargaan serta pengiktirafan kepada jabatan dan agensi terutama sekali pentadbir laman web yang telah bertungkus lumus untuk meningkatkan mutu penyampaian yang tepat kepada rakyat pada setiap masa.

Pihak UPPN telah mengadakan latihan dan taklimat kepada pentadbir laman web bagi memastikan tahap ketersediaan agensi mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam model baharu iaitu Sistem Pemantauan Laman Web dan Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan (SPLWPDT) oleh pihak MAMPU. Sistem ini merupakan platform pemantauan ke atas kriteria-kriteria laman web dan perkhidmatan dalam talian



Sijil dan plak Anugerah Laman Web 5 Bintang Yayasan Sarawak dan Pentadbir Laman Web bagi tahun 2018.



Encik Ahmad Jumadi, pentadbir laman web Yayasan Sarawak menerima sijil dan plak daripada Pengarah UPPN

yang telah ditetapkan mengikut kriteria ProBE/MUSE yang dilaksanakan sebelum ini.

Turut menerima anugerah ialah Encik Ahmad Jumadi bin Sabang selaku Pentadbir Laman Web Yayasan Sarawak. Tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.



Pentadbir laman web Kerajaan Negeri merakam kenangan semasa sesi Webmaster Appreciation & Training Program pada sebelah pagi.

SAMBUTAN HARI

WANITA YAYASAN SARAWAK 2019

OLEH: Jeffery Anthony

WISMA ADENAN, 26 Mac 2019 - “Memperkasa wanita bukan untuk menyaingi lelaki tetapi untuk bersama-sama membangunkan generasi” kata Dr. Salmah Mohamad Yusoff, Pensyarah kanan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ketika menyampaikan ceramah bersempena dengan Sambutan Hari Wanita Yayasan Sarawak bertempat di Auditorium Yayasan Sarawak di sini hari ini.

“Itu antara mesej utama Sambutan Hari Wanita Sedunia diraikan setiap tahun selain untuk menghargai semua kaum wanita bukan sahaja di peringkat organisasi dan negara, malah antarabangsa amnya”, ujar Salmah.

Terdahulu, Pengerusi Biro Wanita Kelab Yayasan Sarawak, Puan Hajah Hamsiah binti Haji Mustajir berkata program seumpama ini adalah julung kali diadakan selaku jawatankuasa penganjur Hari Wanita Yayasan Sarawak, jelasnya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

“Ahli jawatankuasa Biro Kelab Yayasan Sarawak dianggotai lebih kurang seramai 16 orang ahli yang dilantik untuk menguruskan hal ehwal wanita dalam organisasi dan menganjurkan lebih banyak lagi program pemantapan hasil kerja kaum wanita”, tambahnya lagi.

Majlis sehari ini telah dihadiri lebih kurang seramai 50 orang termasuk wargakerja daripada anak syarikat iaitu Sanjung Etika Sdn Bhd dan Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS).

Turut hadir ke majlis YBhg Datin Hajah Baduyah binti Haji Bujang, isteri kepada Timbalan Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan Sarawak dan YBhg Puan Hajah Normawati binti Haji Ismailly Yakup, isteri kepada Pengarah Yayasan Sarawak.



Dr. Salmah menyampaikan ceramah beliau kepada para hadirin.



Datin Hajah Baduyah, isteri Timbalan Pengerusi bersama Puan Hajah Normawaty serta tetamu jemputan.



Puan Hajah Normawaty, isteri Pengarah Yayasan Sarawak menyampaikan cenderamata Hari Wanita kepada para hadirin.



Para hadirin merakam kenangan semasa simbolik pelancaran Sambutan Hari Wanita Yayasan Sarawak.

JK SURAU YAYASAN

SARAWAK ANJUR PROGRAM CERAMAH ISRAK MIKRAJ

OLEH: Jeffery Anthony

WISMA ADENAN, 5 April 2019 - Program ceramah bersempena dengan peristiwa Israk Mikraj oleh Ustaz Madihi bin Jamil, Pegawai di Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak (JAIS) bagi Tahun 1440 Hijrah 27 Rejab telah berlangsung di Auditorium Yayasan Sarawak.

Program sehari anjuran Jawatankuasa Surau Yayasan Sarawak ini dihadiri lebih kurang 40 orang kakitangan beragama Islam untuk bersama-sama mendengarkan ceramah tentang perjalanan Israk Mikraj Nabi Muhammad SAW menghadap Allah S.W.T.

“Israk Mikraj bukanlah sekadar cerita biasa yang diulang tayang setiap kali menjelang 27 Rejab. Lebih daripada itu ia mengajak muslimin untuk memperkukuhkan pegangan berlandaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan memelihara daripada sebarang bentuk penyelewengan akidah yang membinasakan”.

“Perjalanan Baginda Nabi Muhammad SAW dari masjid ke masjid menunjukkan betapa masjid memainkan peranan penting bagi melestarikan kehidupan harmoni dunia dan akhirat”, kata Madihi ketika menyampaikan ceramah.



Sebahagian wargakerja yang hadir semasa sesi ceramah Israk Mikraj.



Ustaz Madihi memberi mukadimah kepada para hadirin yang hadir.



Ustaz Madihi memberikan taklimat secara interaktif kepada para hadirin

YAYASAN SARAWAK

ANJUR KURSUS DALAMAN PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN

OLEH: Jeffery Anthony

KUCHING, 11 Mac 2019 – Seramai lebih kurang 60 orang wargakerja Yayasan Sarawak hadir ke Kursus Pengurusan Kewangan Kerajaan bertempat di Bilik Seminar, M Hotel di bawah kendalian Seksyen Pengurusan Pengetahuan, Prestasi dan Perhubungan Pelanggan.

Penceramah jemputan pertama pada kursus kali ini disampaikan oleh Encik Easmawi Razak bin Mohamad Eastern, Penolong Pengarah Seksyen Akaun Yayasan Sarawak yang dijemput khas untuk menerangkan kepada wargakerja tentang pengurusan kewangan yang diamalkan dalam organisasi.

Intipati kursus banyak menyentuh kepada proses pengeluaran bajet untuk perolehan bagi tempoh beberapa tahun, pembayaran kepada pemegang biasiswa dan pinjaman



Sesi soal jawab antara wargakerja dan penceramah bagi memberi penjelasan lanjut berkaitan kursus tersebut.



Wargakerja daripada pelbagai pangkat turut hadir ke kursus tersebut



Encik Easmawi, Penolong Pengarah (Akaun) Yayasan Sarawak memberi penerangan berkaitan tatacara pengurusan kewangan kerajaan.



Puan Suryani menyampaikan taklimat berkaitan dengan Tatacara Pengurusan Perolehan dan Stor serta Pengurusan Kewangan Peribadi.

pelajaran serta membuat perbandingan perbelanjaan setiap tahun.

“Kita perlu meningkatkan lebih banyak nilai pelaburan dan mengurangkan perbelanjaan untuk perolehan bagi mengekalkan keuntungan tahunan”, jelas Easmawi ketika membentangkan bajet.

Penceramah jemputan untuk kursus yang berlangsung pada hari seterusnya ialah Puan Suryani binti Abdul Hamid, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Khidmat Korporat, Operasi dan Pentadbiran, Yayasan Sarawak dan juga seorang Certified Financial Planner (CFP) bertauliah daripada Financial Planning Association of Malaysia (FPAM).

Dalam penyampaian kursus, beliau banyak memberikan kesedaran dan pendedahan kepada wargakerja tentang pengurusan kewangan peribadi yang lebih efisien bagi mengelakkan berlakunya masalah kewangan yang serius dan sedikit sebanyak boleh menjejaskan prestasi kerja kakitangan.

“Pengkhususan yang saya ingin tekankan dalam kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan melalui langkah-langkah bijak dalam menguruskan kewangan peribadi dan keluarga lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi masa ini”.

“Kita perlu mengambil serius dalam perkara ini dan bertindak dari sekarang khasnya golongan muda untuk mengamalkan amalan suka menabung dan berbelanja secara berhemah untuk kepentingan pada masa depan”, ujar beliau. Selain itu, beliau juga memberikan ceramah dalam amalan Tatacara dan Prosedur Perolehan untuk Yayasan Sarawak.

Kursus yang berlangsung selama 4 hari ini juga melibatkan beberapa kakitangan Yayasan Sarawak dari cawangan Kuala Lumpur untuk turut serta. Mereka yang hadir berpeluang untuk mengajukan beberapa soalan kepada penceramah dalam sesi soal jawab.

BUSINESS EXCELLENCE

BEST PRACTICE STUDY VISIT: WARGAKERJA TIMBA ILMU BUDAYA KERJA CEMERLANG

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

SEMENANJUNG MALAYSIA, 8-12 April 2019 - Seramai 8 orang warga kerja telah diberi peluang oleh pengurusan untuk menyertai program MPC Business Excellence Best Practice Study Visit ke Johor Bahru, Melaka & Lembah Klang pada 8 hingga 12 April 2018.

Objektif program adalah untuk meningkatkan pemahaman tentang Business Excellence Framework (BEF) yang dapat menghuraikan tujuan utama perkhidmatan dan kepentingan kecemerlangan perkhidmatan sebagai alat untuk kemampanan organisasi. Selain itu, peserta berpeluang mendapatkan maklumat tentang amalan terbaik yang diamalkan oleh organisasi lain dan berkongsi pengetahuan serta kemahiran mengenai kecemerlangan rangka kerja organisasi.

Untuk mencapai objektif lawatan, para penganjur telah mengadakan lawatan penandaaras ke beberapa buah syarikat yang mengamalkan BEF seperti STMicroelectronics Sdn Bhd di Johor Bahru, Composites Technology Research Malaysia (CTRM) Sdn Bhd di Melaka, Krizik (Malaysia) Sdn Bhd di Selangor dan KPJ Klang Specialist Hospital Sdn Bhd di Lembah Klang.

Semoga format Business Excellence yang dipelajari nanti dapat dimanfaatkan sebagai budaya kerja ke arah menambah baik mutu perkhidmatan di Yayasan Sarawak.



Lawatan ke STMicroelectronics Sdn Bhd di Johor Bahru.



Lawatan ke Composites Technology Research Malaysia (CTRM) Sdn Bhd di Melaka.



Lawatan ke KPJ Klang Specialist Hospital Sdn Bhd di Lembah Klang.



Sesi rumusan bagi pemahaman pembelajaran peserta kursus berkaitan dengan Business Excellence Framework yang menjadi budaya pihak syarikat.



Majlis Penyampaian Sijil kepada peserta kursus dan lawatan anjuran MPC.



Lawatan peserta ke Krizik (Malaysia) Sdn Bhd di Balakong, Selangor.

DATA PENAJAAN PELAJAR BIASISWA PENDIDIKAN YAYASAN SARAWAK
(Januari hingga April 2019 | Sumber: Seksyen Biasiswa)

| BIL | SKIM | BERDASARKAN SKIM PENAJAAN | | | | JUMLAH |
|---------------------------|---|---------------------------|---------------------|-----------|-------------------|--------------|
| | | Sekolah | Ijazah Sarjana Muda | Sarjana | PhD / Profesional | |
| 1 | Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib | 0 | 165 | 14 | 12 | 191 |
| 2 | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman | 0 | 184 | 23 | 21 | 228 |
| 3 | Biasiswa Program Perubatan | 0 | 80 | 0 | 0 | 80 |
| 4 | Biasiswa Tempatan Yayasan Sarawak | 4,896 | 0 | 0 | 0 | 4,896 |
| 5 | Skim Pendahuluan Pelajaran dan Teknikal | 0 | 669 | 0 | 0 | 669 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 4,896 | 1,098 | 37 | 33 | 6,064 |

DATA PENAJAAN BIASISWA BERDASARKAN INSTITUSI PENGAJIAN
(Yayasan Biasiswa Tunku Abdul Rahman, Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib (Kerja Kursus) & Biasiswa Program Perubatan)

| BIL | INSTITUSI | BERDASARKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI | | | | | JUMLAH |
|---------------------------|---|--|-----------------|---------------------|-----------|-------------------|------------|
| | | Sekolah | Sijil / Diploma | Ijazah Sarjana Muda | Sarjana | PhD / Profesional | |
| 1 | Institusi Pengajian Tinggi Awam | 0 | 0 | 317 | 23 | 26 | 366 |
| 2 | Swinburne University of Technology Kampus Sarawak | 0 | 0 | 35 | 0 | 2 | 37 |
| 3 | Curtin University Malaysia | 0 | 0 | 38 | 0 | 2 | 40 |
| 4 | University College of Technology Sarawak | 0 | 0 | 22 | 0 | 0 | 22 |
| 5 | Institusi Pengajian Tinggi Swasta | 0 | 0 | 15 | 2 | 0 | 17 |
| 6 | Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara | 0 | 0 | 1 | 12 | 3 | 16 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 0 | 0 | 428 | 37 | 33 | 498 |

BIASISWA YAYASAN SARAWAK TUN TAIB (PENYELIDIKAN) SESI 2018/2019

| BIL | BIDANG PENGAJIAN | MASTER | PhD | JUMLAH |
|---------------------------|----------------------|-----------|----------|-----------|
| 1 | Aquatic | 1 | 0 | 1 |
| 2 | Biochemistry | 0 | 2 | 2 |
| 3 | Bioinformatics | 1 | 0 | 1 |
| 4 | Chemistry | 1 | 0 | 1 |
| 5 | Electrical | 1 | 0 | 1 |
| 6 | Data Analytics | 0 | 2 | 2 |
| 7 | Geology | 1 | 0 | 1 |
| 8 | Horticulture | 0 | 1 | 1 |
| 9 | Mechanical | 0 | 1 | 1 |
| 10 | Mechatronics | 0 | 1 | 1 |
| 11 | Petroleum | 0 | 1 | 1 |
| 12 | Sciences | 1 | 0 | 1 |
| 13 | Software Engineering | 0 | 1 | 1 |
| 14 | Agriculture | 1 | 0 | 1 |
| 15 | Engineering | 1 | 0 | 1 |
| 16 | Computer Science | 2 | 0 | 2 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 10 | 9 | 19 |

DATA PENAJAAN PELAJAR BIASISWA TEMPATAN YAYASAN SARAWAK

| BIL | BAHAGIAN / KAWASAN ASAL | JUMLAH |
|---------------------------|-------------------------|--------------|
| 1 | Kuching | 845 |
| 2 | Samarahan | 438 |
| 3 | Serian | 205 |
| 4 | Sri Aman | 106 |
| 5 | Betong | 705 |
| 6 | Sarikei | 102 |
| 7 | Sibu | 903 |
| 8 | Kapit | 267 |
| 9 | Mukah | 604 |
| 10 | Bintulu | 228 |
| 11 | Miri | 326 |
| 12 | Limbang | 167 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 4,896 |

DATA PENAJAAN PELAJAR PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN SARAWAK
(Januari hingga April 2019 | Sumber: Seksyen Pembiayaan Pendidikan)

| BIL | SKIM | BERDASARKAN SKIM PENAJAAN | | | | | | JUMLAH |
|---------------------------|--|---------------------------|-----------|------------|---------------------|-----------|----------|--------------|
| | | Sijil | Asasi | Diploma | Ijazah Sarjana Muda | Sarjana | PhD | |
| 1 | Biasiswa Pinjaman Pelajaran Dalam Negara | 2 | 42 | 432 | 372 | 52 | 7 | 907 |
| 2 | Pinjaman Pelajaran Luar Negara | 0 | 0 | 0 | 34 | 1 | 1 | 36 |
| 3 | Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal | 384 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 384 |
| 4 | Tabung Pendidikan Tinggi Sarawak (HiED) | 0 | 13 | 0 | 71 | 0 | 0 | 84 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 386 | 55 | 432 | 477 | 53 | 8 | 1,411 |

| BIL | INSTITUSI | BERDASARKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI | | | | | | JUMLAH |
|---------------------------|---|--|-----------|------------|---------------------|-----------|----------|--------------|
| | | Sijil | Asasi | Diploma | Ijazah Sarjana Muda | Sarjana | PhD | |
| 1 | Institusi Pengajian Tinggi Awam | 0 | 0 | 193 | 245 | 46 | 6 | 490 |
| 2 | Politeknik | 0 | 0 | 115 | 0 | 0 | 0 | 115 |
| 3 | Swinburne University of Technology Kampus Sarawak | 0 | 40 | 2 | 45 | 1 | 1 | 89 |
| 4 | Curtin University Malaysia | 0 | 14 | 0 | 27 | 1 | 0 | 42 |
| 5 | University College of Technology Sarawak | 0 | 0 | 0 | 69 | 1 | 0 | 70 |
| 6 | Institusi Pengajian Tinggi Swasta | 2 | 1 | 122 | 57 | 3 | 0 | 185 |
| 7 | Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara | 0 | 0 | 0 | 34 | 1 | 1 | 36 |
| 8 | Institusi Latihan Kemahiran / Teknikal | 384 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 384 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 396 | 55 | 432 | 477 | 53 | 8 | 1,411 |

| BIL | BIDANG PENGAJIAN | PINJAMAN DALAM NEGARA | PINJAMAN LUAR NEGARA | PINJAMAN LATIHAN TEKNIKAL | TABUNG PENDIDIKAN TINGGI SARAWAK (HiED) | JUMLAH |
|---------------------------|--|-----------------------|----------------------|---------------------------|---|--------------|
| 1 | Sastera dan Kemanusiaan | 88 | 14 | 0 | 0 | 102 |
| 2 | Perniagaan dan Pengurusan | 354 | 3 | 0 | 0 | 357 |
| 3 | Kejuruteraan dan Teknologi | 360 | 10 | 0 | 84 | 454 |
| 4 | Sains Hayat dan Perubatan | 32 | 6 | 0 | 0 | 38 |
| 5 | Sains Persekitaran | 33 | 0 | 0 | 0 | 33 |
| 6 | Sains Sosial | 40 | 3 | 0 | 0 | 43 |
| 7 | Teknikal / Kemahiran (Sub-Profesional) | 0 | 0 | 384 | 0 | 384 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 907 | 36 | 384 | 84 | 1,411 |

| BIL | BAHAGIAN / KAWASAN ASAL | PINJAMAN DALAM NEGARA | PINJAMAN LUAR NEGARA | PINJAMAN LATIHAN TEKNIKAL | TABUNG PENDIDIKAN TINGGI SARAWAK (HiED) | JUMLAH |
|---------------------------|-------------------------|-----------------------|----------------------|---------------------------|---|--------------|
| 1 | KUCHING | 534 | 18 | 105 | 34 | 691 |
| 2 | SAMARAHAN | 62 | 2 | 48 | 6 | 118 |
| 3 | SERIAN | 11 | 1 | 21 | 0 | 33 |
| 4 | SRI AMAN | 18 | 2 | 11 | 1 | 32 |
| 5 | BETONG | 24 | 0 | 30 | 0 | 54 |
| 6 | SARIKEI | 22 | 0 | 15 | 2 | 39 |
| 7 | SIBU | 49 | 3 | 13 | 8 | 73 |
| 8 | KAPIT | 17 | 0 | 17 | 2 | 36 |
| 9 | MUKAH | 23 | 0 | 17 | 3 | 43 |
| 10 | BINTULU | 28 | 6 | 17 | 6 | 57 |
| 11 | MIRI | 93 | 1 | 44 | 21 | 159 |
| 12 | LIMBANG | 14 | 1 | 46 | 0 | 61 |
| 13 | LUAR SARAWAK | 12 | 2 | 0 | 1 | 15 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 907 | 36 | 384 | 84 | 1,411 |

PROGRAM JERAYAWARA PENDIDIKAN YAYASAN SARAWAK 2019

OLEH: Siti Asfajarina binti Salleh / Ahmad Jumadi bin Sabang

Program Jerayawara Pendidikan Yayasan Sarawak 2019 merupakan program mendekati rakyat bagi menyebarkan maklumat mengenai perkhidmatan dan bantuan pendidikan yang disediakan oleh Yayasan Sarawak.

Selain itu, turut diadakan seminar keibubapaan atau motivasi pelajar mengenai kepentingan atau peluang pendidikan selepas alam persekolahan serta mini pameran pendidikan oleh insititusi tempatan bagi memberi maklumat berkaitan dengan kursus-kursus yang ditawarkan.

Di dalam program juga diadakan penyampaian Sijil Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak serta Geran Sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah-sekolah yang dipilih.

Pada suku pertama tahun ini, majlis telah diadakan di Sibu pada 7 April 2019 dan telah dirasmikan oleh YB Dr. Haji Annuar bin Rapa'ee, Menteri Muda Pendidikan dan Penyelidikan Teknologi serta Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam Negeri Sarawak bertempat di Dewan Lembaga Amanah Kebajikan Islam (LAKIS), Sibu.

Manakala di Bahagian Kapit, majlis telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Seri Doris Sophia Brodie, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sarawak yang mewakili YB Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut anak Masing, Timbalan Ketua Menteri serta Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan pada 27 April 2019 bertempat di Dewan Suarah Kapit.



Jerayawara Sibu: YB Dr. Annuar menyampaikan amanat kepada para hadirin.



Jerayawara Kapit: Encik Zamahari Said, KPP Biasiswa menyampaikan taklimat bantuan dan program pendidikan Yayasan Sarawak.



Jerayawara Sibu: Mini pameran pendidikan yang turut disertai institusi-institusi jemputan.




Jerayawara Kapit: Penerima Sijil Hadiah Pelajar Cemerlang dan Geran PIBG serta hadirin merakam gambar bersama tetamu kehormat.



Jerayawara Kapit: YBhg Datuk Seri Doris Sophia menyampaikan Sijil Hadiah Pelajar Cemerlang kepada pelajar bagi Bahagian Kapit.



Jerayawara Sibu: YB Dr. Annuar menyampaikan sumbangan kebakaran kepada wakil Jawatankuasa Pengurusan Kebakaran Kampung Baharu, Sibu.



Jerayawara Kapit: Para hadirin turut serta dan santai bersama penceramah semasa sesi taklimat.



Jerayawara Kapit: Turut diadakan mini pameran pendidikan daripada institusi-institusi tempatan.



Jerayawara Sibu: Sebahagian para jemputan dan ibu bapa yang hadir ke majlis perasmian Jerayawara.

PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR YAYASAN SARAWAK DAN KUMPULAN YAYASAN SABAH KEKAL BERTERUSAN UNTUK INTEGRASI NASIONAL

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang



Sesi taklimat kepada para pelajar dan ibu bapa semasa majlis penyerahan pelajar Sabah & Sarawak.

KOTA KINABALU, 18 Januari 2019 - Program Pertukaran pelajar di antara Yayasan Sarawak dan Yayasan Sabah telah bermula semenjak tahun 1983 bertujuan untuk mewujudkan integrasi nasional antara Sarawak dan Sabah selain di Semanjung Malaysia. Skim ini melibatkan penajaan dan penghantaran pelajar yang cemerlang ke Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 ke sekolah berasrama penuh.

Pada tahun ini, dua orang pelajar dari Sarawak akan menyambung pelajaran mereka di Maktab Sabah dan SMK Agama Limauan, Kimanis. Manakala, seramai sembilan orang pelajar dari Sabah akan melanjutkan pelajaran di SM Sains Kuching, Kolej Tun Datu Patinggi Abang Haji Abdillah Kuching, SMK Agama Miri dan Kolej Tun Datu Tuanku Haji BujangMiri.

Kedua-dua orang pelajar dari Sarawak telah diserahkan kepada guru bertanggungjawab dari sekolah yang telah dipilih. Pelajar-pelajar dari Sabah pula secara rasminya telah diserahkan kepada pegawai dari Yayasan Sarawak iaitu Encik Zamahari bin Haji Saidi, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Biasiswa.

Majlis pertukaran pelajar Sabah-Sarawak ini telah diadakan di Bilik Multivision, Menara Tun Mustapha, Kota Kinabalu, Sabah.



Pelajar Sabah & Sarawak merakam kenangan bersama Pegawai Yayasan Sarawak & Sabah serta para ibu bapa.



Encik Zamahari Saidi mewakili Pengarah Yayasan Sarawak menerima pelajar Sabah yang akan bersekolah di Sarawak.

GRADUAN CURTIN UNIVERSITY MALAYSIA TERIMA ANUGERAH GRADUAN CEMERLANG YAYASAN SARAWAK

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

MIRI, 27 April 2019 - 110 pelajar dan graduan Curtin University Malaysia baru-baru ini telah menerima anugerah kecemerlangan dari pelbagai penaja industri di Majlis Anugerah Curtin University Malaysia yang ke-12 di sebuah hotel terkemuka di sini baru-baru ini.

Upacara ini bertepatan dengan upacara pengijazahan tahunan universiti yang menyaksikan seramai 735 pelajar, kohort graduan terbesarnya, menerima ijazah sarjana dan pasca siswazah Curtin.

Anugerah itu adalah untuk merit akademik dalam pelbagai program universiti, termasuk pengiktirafan 58 pelajar yang ditempatkan di satu peratus teratas dari mahasiswanya, yang telah dimasukkan ke dalam Senarai Naib Canselor.

Pada majlis tersebut, Anugerah Graduan Cemerlang Yayasan Sarawak telah dianugerahkan kepada Cik Chong Jia Yin dan Cik Cristine Ann Obek. Manakala, seorang lagi merupakan penerima Anugerah Kepimpinan Cemerlang Yayasan Pendidikan Tinggi Sarawak (SHEF). Anugerah telah disampaikan oleh Encik Jolly bin Marikan yang mewakili Pengarah Yayasan Sarawak.

Sementara itu, Profesor Mienczakowski mengucapkan terima kasih kepada sumbangan anugerah tersebut dan melahirkan harapan supaya penajaan ini dapat diperluaskan kepada bentuk lain seperti pembiayaan biasiswa, penyelidikan kolaboratif, peralatan dan kemudahan kampus.



Para penerima anugerah merakam kenangan bersama penerima-penerima anugerah daripada Curtin University Malaysia.



Pelajar menerima Graduan Cemerlang daripada Sarawak Higher Education Fund (SHEF).



Salah seorang graduan daripada Curtin University menerima Sijil Anugerah Graduan Cemerlang Yayasan Sarawak.



Encik Jolly Marikan menyampaikan Sijil Anugerah Graduan Cemerlang Yayasan Sarawak kepada salah seorang penerima.

PERKAMPUNGAN PELAJAR YAYASAN SARAWAK ZON SEMENANJUNG MAMPU BERI PENGISIAN DAN AKTIVITI BERFAEDAH

OLEH: Franklyn Messat anak Kujang / Ahmad Jumadi bin Sabang

KUALA LUMPUR, 22-31 Mac 2019 - Program Perkampungan Pelajar Yayasan Sarawak Siri 01/2019 anjuran Pejabat Kuala Lumpur (YSKL) telah diadakan di premis asrama YSKL@Ampang. 56 orang pelajar di bawah tajaan Biasiswa Program Pertukaran Pelajar Yayasan Sarawak telah hadir ke program tersebut. Mereka merupakan pelajar yang bersekolah di Pusat PERMATApintar Negara, Sekolah Berasrama Penuh (SBP), MRSM dan Sekolah Sukan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pelbagai aktiviti telah dirangka seperti lawatan sambil belajar ke Taman Burung Kuala Lumpur, Muzium Polis Diraja Malaysia dan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL 2019). Selain itu, pelajar juga turut serta dalam aktiviti Kem Bina Semangat bertempat di Photon Valley Eco Resort Hulu Langat Selangor. Menurut pelajar etnik Lun Bawang, Elda Saran Balan, 14 tahun daripada Sekolah Sains Seri Puteri (SESERI) Kuala Lumpur, beliau berasa amat seronok kerana berpeluang untuk menjadi sebahagian daripada peserta dan pada masa yang sama, pelbagai aktiviti berfaedah juga dijalankan.

Untuk pelajar Asphela Jicue Anak Quat, 15 tahun daripada Kolej PERMATApintar Negara, beliau merasakan intipati program amat bersesuaian dengan keperluan pelajar yang memerlukan cara pembelajaran yang santai. Pada masa yang sama program tersebut banyak memberikan lebih banyak input melalui pendekatan hands-on yang diberikan di mana pelajar Muhammad Zaim bin Maslan, Tingkatan 5 daripada Sekolah Sukan Bukit Jalil juga bersependapat dengan beliau.

Majlis penutupan rasmi program telah disempurnakan oleh Puan Suryani binti Abdul Hamid, yang mewakili Pengarah Yayasan Sarawak. Dalam amanat beliau, pelajar mesti ambil perhatian betapa pentingnya pendedahan pembangunan sahsiah diri di usia muda untuk mendepani cabaran masa akan datang serta memastikan bahawa kebajikan para pelajar sepanjang mereka menjadi pelajar tajaan Yayasan Sarawak sentiasa diambil berat.



Para pelajar sedang mengadakan lawatan ke Taman Burung Kuala Lumpur



Aktiviti Kem Bina Semangat di Photon Valley Eco Resort Hulu Langat Selangor.



Lawatan sambil belajar ke Muzium Polis Diraja Malaysia.



Majlis penutupan rasmi Program Perkampungan Pelajar oleh Puan Suryani binti Abdul Hamid wakil Pengarah Yayasan Sarawak.



Para pelajar merakam kenangan bersama Puan Suryani dan Pegawai di Yayasan Sarawak Kuala Lumpur.

PROGRAM CERAMAH BANTUAN PENDIDIKAN, INISIATIF OUTREACH YAYASAN SARAWAK

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

Limbang, 11 Januari - Yayasan Sarawak telah dijemput oleh pihak sekolah SMK Medamit ke sesi taklimat khas bersama ibu bapa bersempena dengan Majlis Penyerahan Bantuan Awal Persekolahan Bagi Tahun 2019 di sekolah tersebut.

Sesi taklimat yang dikendalikan oleh Encik Muhammad Azranee bin Sapian daripada Seksyen Biasiswa telah memberi penerangan berkaitan dengan program serta peluang-peluang bantuan pendidikan yang boleh didapati di Yayasan Sarawak.

Program yang diadakan di Dewan SMK Medamit itu, turut dihadiri oleh Pengetua Sekolah, Encik Raja Manikam A/L Subramaniam serta YDP dan ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah tersebut.

Selepas sesi taklimat, para ibu bapa tidak melepaskan peluang untuk mengadakan sesi soal jawab kepada pegawai Yayasan Sarawak bagi mendapatkan lebih penjelasan. Program seperti ini merupakan salah satu inisiatif Outreach Yayasan Sarawak kepada rakyat terutama sekali rakyat luar bandar bagi mendengar sendiri masalah dan kebajikan mereka.



Penyampaian cenderamata kepada Yayasan Sarawak oleh pihak sekolah.



Para ibu bapa turut hadir semasa sesi taklimat daripada Yayasan Sarawak.



Para ibu bapa bersama Encik Azranee semasa sesi soal jawab.

YAYASAN SARAWAK PANTAU SEKOLAH-SEKOLAH HiPERS & PROGRAM BOOKS FOR ASIA

OLEH: Mustafa Arif bin Kipli

Seksyen Program & Bantuan bersama Seksyen Audit & Pengurusan Risiko dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah serta Bahagian Teknologi Pendidikan telah melakukan pemantauan ke atas sekolah yang dibawah program HiPERS (High Performing Rural School) dan sekolah-sekolah yang menerima bantuan buku bagi program Books For Asia.

Pemantauan yang diadakan pada bulan Januari dan Mac ini, melibatkan 11 buah sekolah yang terpilih di bahagian Bintulu, Miri dan Limbang.

Tujuan utama pemantauan ini adalah untuk menyemak dan mendapatkan maklumat lebih terperinci berkenaan program yang dilaksanakan bagi sekolah di bawah Program HiPERS. Dalam masa yang sama, memantau buku-buku yang telah diagihkan kepada sekolah untuk tujuan mendapatkan maklum balas guru berkenaan isi kandungan serta pengesahan penerimaan buku.



5.3.2019 - Sesi Audit & Pemantauan Program HiPERS serta Books for Asia di SMK Luak, Miri.




30.1.2019 - Sesi audit dan pemantauan di SK Tatau, Bintulu.



30.1.2019 - Pegawai Yayasan Sarawak semasa sesi pemantauan di SK Kelawit, Bintulu.



4.3.2019 - Sesi Audit dan Pemantauan Program HiPERS & Books for Asia di Sekolah-Sekolah Bahagian Limbang.



4.3.2019 - Audit dan pemantauan Program HiPERS & Books for Asia di Sekolah-Sekolah Bahagian Bintulu.



5.3.2019 - Dr. Eliza Fazliyaton, Pegawai Seksyen Program & Bantuan pada sesi pemantauan Program HiPERS di Kolej Tuanku Hj Bujang, Miri.

YAYASAN SARAWAK PERKASA BANTUAN DALAM BIDANG KEMAHIRAN

OLEH: Sub'bha binti Jalia / Ahmad Jumadi bin Sabang

KUCHING, Mac 2019 - Yayasan Sarawak telah mengadakan Sesi Taklimat & Perjumpaan Bersama Pelajar di Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS) pada 5 Mac 2019 dan Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) pada 19 Mac 2019.

Sesi ini bertujuan untuk menyampaikan surat tawaran serta surat perjanjian kepada pelajar CENTEXS dan PPKS yang layak setelah diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Skim Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal. Selain itu, sesi juga memberi taklimat kepada pelajar peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pelajar di bawah pembiayaan Yayasan Sarawak.

Sesi perjumpaan ini merupakan salah satu aktiviti tahunan yang dijalankan oleh Seksyen Pembiayaan Pendidikan bagi tujuan pemantauan pelajar serta mendapatkan maklum balas terkini daripada pelajar berkaitan dengan keperluan dan kebajikan mereka.

Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal ini telah diperkenalkan pada tahun 2001 kepada pelatih yang mengikuti pengajian dalam bidang kemahiran di pusat latihan kemahiran yang diluluskan oleh Yayasan Sarawak.



Sesi foto simbolik penyerahan Surat Tawaran Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal kepada pelajar CENTEXS yang baharu.



Salah seorang pelajar CENTEXS menerima surat tawaran daripada pegawai Yayasan Sarawak.



Pelajar-pelajar PPKS Kuching mengisi borang perjanjian bagi penerimaan tawaran Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal Yayasan Sarawak.



Sesi foto pelajar PPKS Kuching bersama Pegawai Yayasan Sarawak.

MINGGU ORIENTASI PERMULAAN SEKOLAH

OLEH: Siti Noorlis binti Hassan / Ahmad Jumadi bin Sabang

WISMA ADENAN, 2-18 Januari 2019 - Pada permulaan tahun sesi persekolahan, Taska Tadika Yayasanku Sayang (TTYS) tidak ketinggalan menerima pendaftaran untuk beberapa orang kanak-kanak yang baharu.

Setiap tahun pelajar baharu akan mengikuti minggu orientasi yang turut disertai oleh pelajar lama bertujuan untuk memudahkan transisi antara kelas dan kemasukan baharu ke taska tadika. Pelbagai aktiviti pengenalan dan persediaan dilaksanakan dalam tempoh dua (2) minggu supaya kanak-kanak memahami suasana serta amalan pembelajaran di taska tadika.

Selain itu, aktiviti yang dijalankan adalah untuk mengenalkan kanak-kanak kepada rutin harian semasa di TTYS, belajar bersosial, berdikari dan lain-lain lagi.



Program transisi pelajar baharu bersama pelajar yang lama bagi memudahkan sesi ice-breaking.



Guru-guru sedang melatih kanak-kanak yang baharu.



Kanak-Kanak diberi pendedahan jati diri semasa minggu orientasi

SAMBUTAN TAHUN BARU CINA, TERAPKAN NILAI-NILAI KEBUDAYAAN

OLEH: Siti Noorlis binti Hassan

WISMA ADENAN, 7 Februari 2019 - Kanak-kanak taska tadika pada tahun ini sekali lagi telah mengadakan Sambutan Tahun Baru Cina bertempat di Taska Tadika Yayasanku Sayang. Sambutan ini adalah bertujuan untuk mendedahkan kanak-kanak dengan kepelbagaian budaya yang pelbagai kaum di Sarawak.

Kanak-kanak taska tadika telah mempelajari sejarah sambutan Tahun Baru Cina dengan menonton dokumentari bertajuk The History Of Chinese New Year.

Kanak-kanak juga menyediakan hiasan untuk Sambutan Tahun Baru Cina seperti membuat tanglung, menyediakan mercun hiasan, menyediakan makanan seperti yee sang, kuih kapit dan sebagainya.

Selesai sesi pembelajaran mengenai sambutan Tahun Baru Cina, kanak-kanak telah dihiburkan dengan Lion Dance yang dipersembahkan oleh kanak-kanak tadika berumur 5 dan 6 tahun. Kanak-kanak kemudiannya menikmati minum petang yang telah disediakan.





Penari kebudayaan Yayasan Sarawak membuat persembahan sebagai simbolik selamat datang ke PESAYA Sarawak Tahun 2021.



Pasukan baling merakam kenangan bersama trofi kemenangan.



Kontinjen Yayasan Sarawak seramai 82 orang atlet ke PESAYA Kedah 2019



Pasukan Bola Sepak Yayasan Sarawak meraih gelaran Juara untuk kali kedua di PESAYA Kedah 2019.



Pasukan Dart ketika meraikan pingat Emas di PESAYA Kedah 2019.



Penari kebudayaan Yayasan Sarawak membuat persembahan sebagai simbolik selamat datang ke PESAYA Sarawak Tahun 2021.

PENCAPAIAN TERBAIK KONTINJEN YAYASAN SARAWAK KE PESAYA XIII LANGKAWI, KEDAH

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

LANGKAWI, 14 - 23 Februari 2019 - Yayasan Sarawak pada tahun ini berjaya meraih tempat ketiga keseluruhan sepanjang temasya Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri Se-Malaysia (PESAYA) Kali Ke-13 di Langkawi, Kedah.

Selain itu, kontinjen Yayasan Sarawak yang dianggotai seramai 82 orang atlet dan diketuai oleh Chef De Mission, Encik Zamahari bin Haji Saidi juga berjaya meraih pelbagai pingat dalam acara sukan seperti Bola Sepak (Emas), Dart (Emas), Badminton (Gangsa), Bowling Wanita Perseorangan (Gangsa), Bowling Wanita Berkumpulan (Gangsa) dan Bowling Master Wanita (Emas).

Temasya sukan PESAYA Ke-13 pada kali ini telah berpusat di Kompleks Sukan LADA, Langkawi dan disertai oleh kesemua 14 buah yaysan negeri daripada seluruh Malaysia.

Majlis Penutupan Rasmi Pesta Sukan Antara Yayasan Se-Malaysia Kali Ke-13 Kedah 2019 telah disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Amiruddin Bin Haji Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan di Kompleks Sukan LADA, Langkawi pada 22 Februari 2019.

Pada majlis tersebut, Bendera PESAYA telah diserahkan kepada Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang di mana Yayasan Sarawak akan menjadi tuan rumah untuk PESAYA Ke-14 di Kuching, Sarawak pada tahun 2021 bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Yayasan Sarawak.

AKTIVITI-AKTIVITI KELAB YAYASAN SARAWAK



10.2.2019 - SCOPE 10-Pin Bowling Friendly Match sebagai persiapan pasukan bowling Yayasan Sarawak ke PESAYA Ke-13 Langkawi, Kedah 2019.



27.4.2019 - Pasukan Bowling Yayasan Sarawak serta Pertandingan Bowling anjuran Kelab Sukan & Rekreasi SPRM Sarawak.



17.3.2019 - Pasukan Karom Yayasan Sarawak serta pertandingan Karom Open Kuching 2019 anjuran Tabung Baitulmal Sarawak di Majma Mall.



6.4.2019 - Pasukan Dart Yayasan Sarawak turut serta dalam pertandingan Majma Dart Open 2019 bertempat di Majma Mall, Kuching.



12.3.2019 - Wargakerja dan pelajar praktikal turut serta dalam program menderma darah anjuran Tabung Darah Hospital & Kelab Yayasan Sarawak.



11.4.2019 - Sesi Senamrabbik Kelab Yayasan Sarawak Bersama YB Datuk Amar Hajah Jamilah binti Anu, ADUN N.3 Tanjung Datu.



Galeri Foto

15-17.3.2019 - YAB Ketua Menteri melawat booth pameran Yayasan Sarawak sempena Sarawak Career & Training Fair (ScaTFair) 2019 di BCKC Kuching.



28.3.2019 - Sesi Makan Tengahari Pengarah dan isteri bersama Warga Pesara Yayasan Sarawak.



2.1.2019 - Kaunter Penerangan Yayasan Sarawak bersempena dengan Hari Pendaftaran Institut Kemahiran MARA (IKM) di Jalan Sultan Tengah, Kuching.



23-24.3.2019 - Mini Pameran Pendidikan & Kerjaya sempena Hari Terbuka UITM Sarawak Cawangan Mukah 2019 di Dewan Sri Balau, UITM Mukah.



12.2.2019 - Temuduga biasiswa dikendalikan secara digital melalui komunikasi Skype bersama pelajar luar negara.



2.4.2019 - Pegawai Yayasan Sarawak serah cek sumbangan kepada 3 orang pelajar Sarawak di UITM Shah Alam yang akan ke Kejohanan Koir Antarabangsa di Poland/German pada 18-29 Jun 2019.



23-24.3.2019 - Kaunter Penerangan Yayasan Sarawak sempena program Swinburne Open Day March 2019 di Swinburne Sarawak Campus, Kuching.



25-31.3.2019 - Pameran bersempena dengan Program Agenda Warisan Pintar Old Kuching (OKSHe) anjuran DBKU di Square Tower, Tebingan Kuching.



6.2.2019 - Nurin Za'imah Abdul Razak, Pelajar Tingkatan 5 Kolej Tunku Kurshiah bersama pasukan mendapat Pingat Emas di 2019 Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation & Technology Exposition (IPILEX 2019).



20.2.2019 - 3 orang pelajar SM Tengku Indra Petra, Gua Musang di bawah Biasiswa Program Pertukaran Yayasan Sarawak berjaya membawa pasukan kriket perempuan dan lelaki Sarawak di tempat kedua dan ketiga Kejohanan National School Championship bertempat di Kinrara Oval, Mont Kiara.



13.4.2019 - Pameran bersempena dengan DBNA-BGA Education And Career Guidance Fair 2019 di Dewan Masyarakat, Serian.



13-14.4.2019 - Pameran Pendidikan bersempena dengan Karnival Institusi Pendidikan MARA 2019 bertempat di Mydin Petra Jaya, Kuching.



27.3.2019 - Nur Syazwani Mohammad Fadzi, pelajar Tingkatan 2 Biasiswa Program Pertukaran Pelajar Yayasan Sarawak bersama pasukan Kolej Tunku Kurshiah memenangi Kejohanan Touch Rugby 3.0 di SMK Penanti, Pulau Pinang.



1.3.2019 - Pegawai Yayasan Sarawak memberi taklimat bantuan pendidikan sempena Program Motivasi Pelajar Islam SMK St. Joseph, Kuching di Dewan Jannah, Wisma Adenan.



9.3.2019 - Warga Yayasan Sarawak sertai Sambutan Hari Wanita 2019 di BCKC Kuching.



23.4.2019 - Wargakerja sertai 'Kempen Jom Baca 10 Minit' anjuran Pustaka Negeri Sarawak yang berlangsung serentak di seluruh negeri.

Sanjung Etika Sdn Bhd (SESB) was incorporated on 31st March 1997 and the main task is to carry out business and therefore to lead as one of Yayasan Sarawak investment arms. In 2002, SESB was appointed to manage particularly in property management and facilities management for Yayasan Sarawak premises.



Sanjung Etika Sdn Bhd

Yayasan Sarawak Premises for rent by location:



Yayasan Sarawak Building,
Jalan Masjid, Kuching



Wisma Satok, Jalan Satok,
Kuching



Jalan Rock, Batu Lintang
Kuching



Demak Laut Commercial
Centre, Kuching



Ariva Gateway,
Jalan Bukit Mata Kuching



Jalan Pinang Jawa, Gita
Kuching



Jalan Padungan,
Kuching



Tabuan Jaya,
Kuching



Unisquare,
Kota Samarahan



Jalan Airport Lama,
Kapit



Jalan Club,
Sri Aman



Jalan Bangkita,
Limbang



Jalan Bulatan Piasau,
Miri



Jalan Sommerville,
Bintulu



GET IN TOUCH



Tel: 082-432157 | Fax: 082-432171
<http://sesb.org.my/>



For information, please call
Faraliza: 017-8135779 (HP)
Amir: 016-8846491 (HP)



Yayasan Sarawak



Website



Student App



www.yayasansarawak.org.my

KUCHING.KUALA LUMPUR.LONDON